

## Analisis Tematik Fatwa Kontemporari Semasa Pandemik Covid-19

[Thematic Analysis of Contemporary Fatwa During The Covid-19 Pandemic]

Muaz Muhammad Arif<sup>\*1</sup>, Mohammad Naqib Hamdan<sup>1</sup>, Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi<sup>1</sup>, Mohd Fadzil Jamal<sup>1</sup>, Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

\* Corresponding author: [muaz@graduate.utm.my](mailto:muaz@graduate.utm.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/ujj.vol36no03.609>

### Abstrak

Wabak penyakit bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah manusia. Ia dicatatkan sejak sebelum masih hidup sehingga kini dan akan terus berlaku pada masa akan datang. Penularan COVID-19 dan pengisytiharannya sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 telah menyebabkan pelbagai masalah dan menuntut perubahan dalam kehidupan manusia secara umum dan amalan beragama secara khusus. Perubahan pelaksanaan aktiviti keagamaan memerlukan para mufti mengeluarkan pandangan dan fatwa-fatwa baharu untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi masyarakat terutamanya berkaitan ibadah, seiring dengan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan pihak pemerintah. Fatwa-fatwa yang berbeza daripada amalan kebiasaan ini telah menimbulkan salah faham dalam kalangan asatizah dan masyarakat sehingga wujudnya golongan yang tidak bersetuju dengan fatwa dan SOP yang dikeluarkan, sekali gus memberi kesan buruk kepada penularan wabak COVID-19 dan meningkatkan kes jangkitan. Justeru, kajian ini menganalisis fatwa-fatwa kontemporari semasa COVID-19 sebagai rujukan kepada asatizah dan masyarakat untuk memahami isu dan masalah yang menyelubungi masyarakat ketika berlakunya wabak. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan mengumpulkan fatwa-fatwa dari pelbagai negara dan menganalisis secara tematik fatwa-fatwa tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan permasalahan utama masyarakat ketika COVID-19 berlaku adalah melibatkan urusan ibadah, selain daripada isu-isu lain yang melibatkan urusan mu'amalat.

**Kata kunci:** COVID-19, Fiqh Wabak dan Fatwa Kontemporari

### Abstract

Infectious diseases are not something new in human history. It has been recorded since before Christ until now and will continue to happen in the future. The transmission of COVID-19 and its declaration as a pandemic on March 11, 2020, have caused various problems and demanded changes in human life in general and religious practices in particular. Changes in the implementation of religious activities require the muftis to issue new views and fatwas to solve the problems faced by the community, especially concerning worship, in line with the standard operating procedures (SOP) issued by the government. Fatwas that are different from these customary practices have caused misunderstandings among asatizah and the community to the point that there are groups that do not agree with the fatwas and SOPs issued, thus having a negative impact on the spread of the COVID-19 pandemic and increasing cases of infection. Thus, this study aims to analyse the contemporary fatwas issued during COVID-19 as a reference for asatizah and the community to better understand the challenges facing the society. This study uses a qualitative methodology by collecting fatwas from various countries and analysing the fatwas thematically. The results of this study show that the main problem of

Manuscript Received Date: 13/06/24

Manuscript Acceptance Date: 29/10/24

Manuscript Published Date: 25/11/24

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my)



the community, when COVID-19 occurs, involves matters of worship, apart from other issues involving matters of mu'amalat.

**Keywords:** COVID-19, Fiqh of Infectious Disease and Contemporary Fatwa

## Pendahuluan

Bencana wabak yang berlaku di dunia bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah kehidupan manusia. Sejak sebelum masihi, peristiwa Wabak Athens telah dicatatkan pada 430-26 SM yang meragut sekitar 25% nyawa penduduk Athens. Pelbagai penyakit lagi menjadi punca kematian sehingga ke hari ini seperti Wabak Justinian (541-543), Black Death (1347-1351), Tujuh Pandemik Taun (1817-kini), Selesema Sepanyol (1918-1919), Selesema Asia (1957-1958), Selesema Hong Kong (1968), HIV/AIDS (1981-kini), Koronavirus sindrom pernafasan akut teruk - SARS (2002-2003), Selesema Babi (2009-2010), Ebola (2014-2016) dan COVID-19 (2019-kini) (Sampath et al., 2021).

Kemunculan wabak-wabak ini menuntut masyarakat untuk mencari jalan mengekang penularannya. Pada tahun 1377, amalan kuarantin diperkenalkan di Dubrovnik, Crotia yang seterusnya turut digunakan ketika wabak demam kuning, kolera dan influenza (Tognotti, 2013). COVID-19 yang mula menular dengan luas pada awal 2020 juga memerlukan kepada langkah kawalan dan prosedur operasi standard (SOP) untuk mengekang penularannya (Tabari et al., 2020). Antara arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan adalah sekatan perjalanan yang menuntut masyarakat untuk duduk di rumah jika tiada keperluan untuk keluar. Pusat-pusat aktiviti sosial, sekolah dan pejabat juga ditutup untuk menyokong arahan penjarakan fizikal. Individu yang dijangkiti COVID-19 atau yang termasuk dalam kontak rapat perlu melalui tempoh pengasingan dan kuarantin. Apabila vaksin berjaya dihasilkan, kerajaan mula menggalakkan program vaksinasi dan mewajibkannya untuk sebahagian golongan (Kalyanaraman & Fraser, 2021; Moghadas et al., 2021; Oeltmann et al., 2023).

Walaupun usaha-usaha ini memberi kesan positif dari aspek keselamatan nyawa dan kesihatan, namun ia juga membuka persoalan baru dalam agama dari sudut ibadah, mu'amalat dan pelbagai sudut lain, hasil daripada pelaksanaan SOP yang telah membawa kepada penutupan masjid dan surau, larangan berkumpul termasuk solat Jumaat dan berjemaah, penangguhan pelaksanaan ibadah haji dan umrah serta lain-lain isu. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji apakah isu dan masalah yang menjadi perhatian masyarakat ketika berlakunya pandemik. Fatwa-fatwa yang dikumpulkan dapat memberikan gambaran masalah utama yang akan berlaku sekiranya pandemik terjadi lagi pada masa akan datang, seterusnya memberi peluang persediaan untuk para agamawan menghadapinya dari aspek agama.

## Konsep Wabak Menurut Islam dan Sains Kesihatan

Dari sudut literatur Islam, wabak disebutkan sebagai sesuatu penyakit yang umum. Ini merupakan pengertian yang dibawakan oleh Ibn 'Abidin al-Hanafi (2003), al-Kharashi al-Maliki (1899), dan al-Qadhi Iyad seperti mana yang dinukilkan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (1990). Iyad juga menyebutkan bahawa semua taun adalah wabak tetapi bukan semua wabak adalah taun. Ibn Sina pula menjelaskan bahawa wabak merupakan sesuatu penyakit yang wujud disebabkan udara yang kotor (Ibn Hajar, 1990).

Jika dilihat dari sudut perubatan, mereka membahagikan wabak kepada tiga tahap mengikut kadar penularannya. Tahap pertama adalah endemik yang merujuk kepada penyakit yang menular dalam sesebuah komuniti dengan kadar yang stabil. Tahap kedua pula adalah epidemik iaitu apabila penyakit mula merebak ke beberapa kawasan atau populasi pada kadar yang lebih tinggi daripada biasa. Tahap paling tinggi iaitu pandemik akan terjadi apabila penyakit mula menular ke beberapa buah negara dan benua lain (Riley, 2019).

Antara kedua-dua sudut ini, tiada perbezaan ketara melainkan aspek perubatan melihat wabak melalui tahap penularannya. Setiap tahap penularan itu membawa kepada tindakan yang berbeza bagi mengawal penyakit yang berjangkit.

## Wabak Merentas Sejarah Islam

Sejarah Islam mencatatkan pelbagai peristiwa penularan wabak yang berlaku dalam wilayah-wilayah Islam, sejak zaman Nabi SAW sehingga zaman kerajaan Turki Uthmaniyyah. Sebahagian ulama telah memutuskan fatwa atau mengeluarkan pandangan mereka bagi menghadapi bencana yang berlaku.

### i. Wabak di Zaman Nabi SAW

Wabak yang terkenal di zaman Nabi SAW adalah wabak demam yang berlaku di Madinah. Madinah yang dikenali sebagai bumi wabak telah menyebabkan sebahagian sahabat muhajirin seperti Abu Bakar dan Bilal jatuh sakit selepas mereka berhijrah ke Madinah. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah menceritakan kisah ini:

فَالْهُمَّ الْعَنْ شَيْءَةِ بْنَ رَبِيعَةَ، وَعَنْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ، وَأُمِيَّةَ بْنَ حَلْفٍ كَمَا أَحْرَجُونَا مِنْ أَرْضِ الْوَبَاءِ، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((اللَّهُمَّ حِبِّ إِلَيْنَا الْمَدِينَةَ كَحِبِّنَا مَكَّةَ أَوْ أَشَدَّ، اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي صَاعِنَا وَفِي مُدِينَةٍ، وَصَحِّحْهَا لَنَا، وَانْقُلْ حَمَّاهَا إِلَى الْجُحْفَةِ)) قَالَتْ: وَقَدْمَنَا الْمَدِينَةَ وَهِيَ أَوْبَأُ أَرْضَ اللَّهِ

Maksudnya: "Dia (Bilal) berkata: Ya Allah, laksanalah Syaibah bin Rabi'ah, 'Utbah bin Rabi'ah, dan Umayyah bin Khalf, sepetimana mereka mengeluarkan kami dari tanah kami ke bumi wabak." Kemudian Rasullah bersabda: "Ya Allah, jadikanlah Madinah sebagai kota yang kami cintai sebagaimana kami mencintai Makkah atau bahkan lebih dari itu. Ya Allah, berikanlah barakah kepada kami dalam timbangan sha' dan mud kami, sihatkanlah (makmurkan) Madinah buat kami dan pindahkanlah wabak demamnya ke Juhfah". 'Aisyah berkata: "dan kami tiba di Madinah, dan ia merupakan bumi Allah yang paling banyak wabak." (Al-Bukhari, 2002: 1889)

Selain wabak demam ini, wabak besar lain yang berlaku tidak menular sehingga ke Madinah. Misalnya Taun Syirawiah pada tahun enam hijrah berlaku di al-Madain, Iraq dan namanya diambil sempena pemerintah Empayar Parsi iaitu Raja Syirawiah yang mati akibat taun tersebut (Ibn Hajar, 1990; Khayyat, 1985; Sibt Ibn Al-Jauzi, 2013). Oleh sebab wabak ini tidak berlaku di wilayah Islam dan tidak melibatkan umat Islam, sejarawan seperti Ibn Qutaibah (n.d.) tidak menyebutkannya sebagai taun pertama dalam Islam (Fadhil, 2011).

### ii. Wabak di Zaman Khulafa Al-Rasyidin

Wabak pertama yang muncul pada zaman Khulafa al-Rasyidin adalah Taun 'Amwas pada tahun ke-17 hijri atau ke-18 hijri (Ibn Kathir, 1992; Khayyat, 1985). Taun ini menular di wilayah Syam dan mengakibatkan lebih 25,000 tentera Islam meninggal dunia (Al-Husaini, 2005). Ibn 'Abbas meriwayatkan kisah perjalanan 'Umar al-Khattab menuju ke Syam pada tahun tersebut. Apabila sampai di Sargh, mereka bertemu dengan Abu 'Ubaidah yang merupakan panglima perang ketika itu dan mereka mendapat berita tentang wabak Taun 'Amwas yang melanda Syam. Setelah perbincangan dibuat oleh 'Umar dan para sahabat, mereka terpecah kepada dua pandangan. Sebahagiannya ingin meneruskan perjalanan ke Syam, sebahagian yang lain pula bercadang untuk pulang ke Madinah. Setelah keputusan dibuat untuk pulang ke Syam, Abu 'Ubaidah menyatakan ketidaksetujuannya. Beliau berkata:

أَفَرَأَيْتَ مِنْ قَدَرِ اللَّهِ؟! فَقَالَ عُمَرُ: لَوْ غَيْرُكَ قَاتَلَهَا يَا أَبَا عَبْيَدَةَ؟! نَعَمْ نَفِرُّ مِنْ قَدَرِ اللَّهِ إِلَى قَدَرِ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ لَكَ إِيلٌ هَبَطَتْ وَادِيَا لَهُ عُدُوتَانِ، إِخْدَاهُمَا حَصِيبَةُ، وَالْأُخْرَى جَدْبَةُ، أَلِيسَ إِنْ رَعَيْتَ الْحَصِيبَةَ رَعَيْتَهَا بِقَدَرِ اللَّهِ، وَإِنْ رَعَيْتَ الْجَدْبَةَ رَعَيْتَهَا بِقَدَرِ اللَّهِ؟

Maksudnya: "Adakah engkau telah lari daripada takdir Allah?" Lalu 'Umar berkata: "Kalaupun orang lain yang mengatakan yang sedemikian, wahai Abu 'Ubaidah?! Ya memang aku lari, tetapi aku lari daripada satu takdirNya kepada takdirNya yang lain. Apa pandangan engkau jika ada seekor unta yang turun pada satu lembah yang mempunyai dua keadaan iaitu tanah subur dan tanah tandus. Bukankah jika memilih membelanya di tanah subur masih lagi di dalam taqdirNya dan jika di tanah tandus juga masih di dalam taqdirNya." (Al-Bukhari, 2002: 5729)

Selepas perbincangan selesai, 'Abd al-Rahman bin 'Auf yang tidak hadir sebelum itu membawakan hadis Nabi SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بَأْرَضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بَأْرَضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya: "Apabila kamu mendengar terdapat wabak di suatu daerah, janganlah kamu datang ke tempatnya. Sebaliknya, sekiranya wabak itu berjangkit di suatu daerah sedangkan kamu berada di sana maka janganlah kamu keluar mlarikan diri daripadanya." (Al-Bukhari, 2002: 5729)

Hadis ini merekodkan amalan bukan farmakologi bagi mengekang penularan wabak iaitu kuarantin dan penutupan sempadan. Individu yang berada di dalam kawasan wabak dilarang keluar bagi mengelakkan wabak itu berjangkit luar dari kawasan sedia ada, manakala individu dari luar kawasan wabak tidak dibenarkan masuk bagi mengelak dijangkiti.

Menurut Ibn al-Athir (1997), apabila taun semakin teruk, 'Umar mengutuskan surat kepada Abu 'Ubaidah untuk pulang ke Madinah kerana ada perkara yang ingin dibincangkan. Abu 'Ubaidah yang mengetahui maksud 'Umar iaitu untuk membawanya keluar daripada bahaya taun, membalias surat itu kembali:

يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، قَدْ عَرَفْتَ حَاجَتَكَ إِلَيَّ وَلَيْ فِي جَنْدِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ لَا أَجِدُ بِنَفْسِي رَغْبَةً عَنْهُمْ. فَلَسْتُ أُرِيدُ فِرَاقَهُمْ  
حَتَّىٰ يَقْضِيَ اللَّهُ فِي وَفِيهِمْ أُمْرَهُ وَقْضَاءَهُ، فَحَلَّلْنِي مِنْ عَزِيزِكَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ وَدَعْنِي فِي جَنْدِي

Maksudnya: "Wahai Amirul Mu'minin! Aku tahu apa yang engkau inginkan daripadaku. Aku kini berada bersama-sama tentara muslimin. Aku tidak ingin meninggalkan mereka dan tidak ingin berpisah dengan mereka, sehingga Allah memberi keputusan kepada kami semua (selamat atau binasa). Maka lepaskanlah aku daripada permintaanmu, wahai Amirul Mu'minin, dan biarkan aku bersama tenteraku."

Akibat Taun 'Amwas, ramai sahabat utama seperti Abu 'Ubaidah al-Jarrah, Mu'az bin Jabal, Yazid bin Abu Sufyan, Syurhabil bin Hasanah dan al-Harith bin Hisyam bin al-Mughirah telah meninggal dunia (Khayyat, 1985).

'Amru bin al-'As diangkat menjadi gabenor di Syam selepas kematian Abu 'Ubaidah dan Mu'az bin Jabal. Beliau telah mengarahkan para penduduk untuk saling menjauhkan diri antara satu sama lain, kerana penyakit ini ibarat api yang merebak. Tindakan ini telah berjaya menurunkan jangkitan di Syam (Al-Tabari, 1967). Arahan ini merupakan amalan penjarakan fizikal yang masih dilaksanakan sehingga ke hari ini bagi mengurangkan jangkitan wabak.

### iii. Wabak di Zaman Kerajaan Umayyah

Pada zaman ini, beberapa taun besar yang terjadi di wilayah Islam. Kemunculan taun di Kufah telah menyebabkan kematian al-Mughirah bin Syu'bah pada tahun 50 hijri (Al-Madaini, 2003; Ibn Hajar, 1990). Pada tahun 69 hijri, munculnya Taun al-Jarif yang merupakan taun ketiga terbesar dalam sejarah Islam yang berlaku selama tiga hari di Basrah (Al-Yafi'ie, 1997; Ibn Al-'Imad Al-Hanbali, 1986). Sebahagian sejarawan menyebutkan ia berlaku pada tahun 64 hijri (Ibn Al-Jawzi, 1995). Taun ini menyebabkan kematian 70,000 orang penduduk Basrah pada hari pertama, kemudian 71,000 orang pada hari kedua, dan 73,000 orang pada hari ketiga (Ibn Kathir, 1992). Ibn Al-Jawzi (1995) menambah hari keempat dengan mengatakan bahawa tidak ada lagi manusia yang hidup melainkan sedikit. Pada awalnya mereka mengebumikan jenazah seperti biasa, tetapi apabila jumlah kematian taun semakin ramai, mereka hanya mampu untuk pergi ke rumah-rumah yang ahlinya telah mati lalu mengunci rumah tersebut (Ibn Al-Jawzi, 1995; Ibn Kathir, 1992). Ini untuk mengelakkan daripada haiwan pemangsa memasuki rumah-rumah tersebut dan merosakkan jenazah (Ibn Abi Al-Dunya, 1993). Antara yang meninggal dunia kerana taun ini adalah Abu al-Aswad al-Duali, Qabisah bin Jabir al-Asadi dan 70 orang anak Anas bin Malik RA (Al-Yafi'ie, 1997; Ibn Al-'Imad Al-Hanbali, 1986).

Pada tahun 87 hijri, berlaku pula Taun Fatayat di Basrah, Wasit, Syam dan Kufah, dinamakan begitu kerana ramainya kematian dari kalangan wanita (Ibn Hajar, 1990; Ibn Qutaibah, n.d.). Taun ini pada mulanya banyak menjangkiti wanita, kerana itu diberi nama fatayat. Namun selepas itu, Taun Fatayat ini telah menyebabkan kematian beberapa orang kenamaan seperti 'Abd al-Malik bin Marwan<sup>1</sup>, Umayyah bin 'Abd Allah bin Khalid al-Umawi<sup>2</sup>, 'Ali bin Ashma<sup>3</sup> dan Sha'sha'ah bin Mu'awiyah bin Hisn (Ibn Qutaibah, n.d.). Maka sebahagian sejarawan menamakan taun ini sebagai Taun al-Asyraf (Fadhil, 2011).

<sup>1</sup> 'Abd al-Malik bin Marwan merupakan khalifah kelima daripada kerajaan bani Umayyah yang mula memerintah pada tahun 65 hijri (685 masih).

<sup>2</sup> Umayyah bin 'Abd Allah bin Khalid merupakan pembesar bani Umayyah dan menjadi gabenor Khurasan pada zaman 'Abd al-Malik bin Marwan.

<sup>3</sup> 'Ali bin Ashma' merupakan pemerintah wilayah al-Barjah ketika zaman 'Ali bin Abi Talib. Beliau juga dilantik sebagai pemerintah di wilayah itu pada zaman al-Hajjaj bin Yusuf (Ibn Duraid, 1991; Sibt Ibn Al-Jauzi, 2013).

Pada tahun 100 hijri, tersebarnya Taun ‘Adi bin Artah. Wabak taun juga berlaku pada tahun 107 hijri dan 115 hijri di wilayah Syam. Seterusnya Taun Ghurab pada 127 hijri dan Taun Salam bin Qutaibah pada 131 hijri (Ibn Hajar, 1990).

iv. Wabak di Zaman Kerajaan 'Abbasiyyah

Pada zaman kerajaan 'Abbasiyyah, kes-kes taun yang dicatatkan semakin berkurang. Ibn Hajar (1990) hanya menyebutkan taun yang berlaku di Rai, Iran pada tahun 134 hijri, Taun Baghdad pada 146 hijri dan taun di Basrah pada 221 hijri. Di Iraq, belaku lagi taun pada 249 hijri dan 301 hijri. Kemudian Taun Asbahan pada 324 hijri dan taun di Basrah pada 406 hijri serta di India pada 423 hijri. Wabak taun yang terus berlaku di wilayah Islam seperti di Mesir dan Damsyiq.

Beberapa pandangan berkaitan fiqh wabak telah direkodkan pada zaman ini daripada 'ulama mazhab Hanafi. Al-Sarakhsyi (1989) membawakan pendapat al-Tahawi tentang keharusan keluar dan masuk dari kawasan yang dijangkiti wabak sekiranya seseorang itu beriman bahawa apa-apa yang berlaku adalah dengan ketentuan Allah. Al-Tahawi (1994) juga menyebutkan bahawa larangan keluar dari kawasan wabak adalah kerana untuk melaikkan diri. Sekiranya tujuannya berbeza, maka ia dibenarkan. Terdapat juga sebahagian 'ulama yang membawakan pendapat yang relevan untuk diaplikasikan dalam suasana wabak iaitu keharusan mengebumikan jenazah yang ramai dalam satu kubur yang sama (Al-Samarqandi, 1984; Al-Sarakhsyi, 1989).

v. Wabak di Zaman Kerajaan 'Uthmaniyyah

Antara wabak paling besar yang berlaku di zaman 'Uthmaniyyah adalah Taun al-'Am yang berlaku pada tahun 749 hijri (Al-Zahabi, 1985). Taun al-'Am mula muncul di Mesir pada musim luruh 748 hijri, kemudian menular dan meningkat pada tahun berikutnya. Anggaran kematian yang dicatatkan adalah antara 10,000 sehingga 20,000 orang setiap hari. Taun ini juga telah menyebabkan masjid-masjid ditutup dan hanya masjid utama sahaja yang melaungkan azan (Al-Maqrizi, 1997). Di Eropah, wabak ini dikenali sebagai Black Death yang menyebabkan kematian lebih daripada 25 juta nyawa atau satu pertiga penduduk Eropah antara tahun 1347 sehingga 1352 masih (Glatter & Finkelman, 2021).

Terdapat juga catatan wabak yang berlaku di Mekah pada tahun 827 hijri oleh Ibn Hajar (1994). Wabak ini meragut nyawa 40 orang setiap hari dan dianggarkan jumlah kematian sehingga 1,700 orang. Pada masa itu, solat berjemaah tidak dapat dilaksanakan seperti biasa. Sebahagian imam hanya mempunyai dua orang maknum dan sebahagian yang lain tidak dapat melaksanakan solat berjemaah kerana ketidaaan jemaah yang lain.

Beberapa pandangan berkaitan fiqh wabak telah dicatatkan pada zaman ini. Badr al-Din al-Aini (1990) menyatakan bahawa orang yang terlantar di atas katil akibat jangkitan wabak demam kuartana atau malaria dan demam ghib, dia dihukumkan seperti orang sakit yang tiada harapan untuk sembuh dalam bab pewarisan. Dalam bab penceraian pula, jika isterinya diceraikan dalam keadaan tersebut, penceraian itu termasuk dalam kategori talaq al-farr dan bekas isteri tetap mendapat hak pewarisan jika kematianya berlaku ketika iddah.

Di wilayah 'Uthmaniyyah, wabak-wabak selain taun seperti kolera, difteria, anjing gila (rabies) dan cacar (smallpox) juga dicatatkan. Kesan perkembangan teknologi pengangkutan seperti kapal stim dan kereta api telah menyebabkan pandemik global pada abad ke-19. Pada tahun 1817, pandemik kolera pertama bermula di Jessore, India dan menular ke serata dunia (Claeson & Waldman, 2023). Kes pertama kolera di wilayah 'Uthmaniyyah muncul pada tahun 1821 kesan daripada penularan wabak melalui tiga laluan. Laluan pertama melalui utara India, Afghanistan, Persia, Asia Tengah dan masuk ke Rusia. Laluan kedua bermula dari Baghdad, melalui laluan laut di Teluk Parsi, masuk ke darat dan menuju ke Laut Kaspia. Laluan ketiga adalah melalui Laut Merah, ke India dan Mesir serta kawasan Mediterranean. Penyebaran wabak di kawasan 'Uthmaniyyah juga disumbang oleh ibadah haji yang dilaksanakan oleh seluruh umat (Aydin, 2022).

Sebahagian fatwa fiqh wabak menyentuh tentang isu-isu mu'amalat seperti yang dicatatkan dalam al-Fatawa al-Hindiyyah. Menurut mazhab Hanafi, seorang hamba yang telah sembuh daripada sesuatu wabak dan dijual, kemudian dijangkiti semula dengan wabak yang sama, pembeli berhak memulangkan hamba itu kepada penjual. Namun, jika dijangkiti dengan wabak yang berbeza, pembeli tidak mempunyai hak yang sama (Al-Burhanburi, 2000).

Dalam bab ibadah, al-Haskafi berpandangan bahawa solat Jumaat harus ditinggalkan dan digantikan dengan solat Zohor di rumah ketika berlakunya bencana seperti petir, salji, hujan yang berterusan, gempa bumi dan penyakit yang merebak. Beliau juga mengharuskan amalan berdoa untuk mengangkat wabak taun iaitu dengan maksud menunaikan solat dan memohon supaya wabak itu diangkat (Al-Haskafi, 2002; Ibn 'Abidin, 2003).

Ibn Hajar al-Haytami pula mensyarahkan hadis berkaitan wabak dalam bukunya al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah. Nabi SAW bersabda:

**الْفَارُّ مِنَ الطَّاغُونَ كَالْفَارُ مِنَ الزَّحْفِ**

Maksudnya: "Orang yang lari daripada taun adalah seperti orang yang lari daripada medan perang." (Ahmad, 2001: 14875)

**إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ أَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ**

Maksudnya: "Apabila kamu mendengar terdapat wabak di suatu daerah, janganlah kamu datang ke tempatnya. Sebaliknya, sekiranya wabak itu berjangkit di suatu daerah sedangkan kamu berada di sana maka janganlah kamu keluar mlarikan diri daripadanya." (Al-Bukhari, 2002: 5729)

Beliau berpandangan bahawa seseorang yang lari dari kawasan wabak dengan tujuan mlarikan diripada takdir Allah dan percaya bahawa tindakan itu akan menyelamatkannya adalah haram dan membawa kepada kekufuran, walaupun disertakan dengan tujuan harus yang lain. Manakala bagi orang yang mati dalam kawasan dijangkiti wabak akan diberi pahala mati syahid, walaupun matinya itu bukan akibat taun (Ibn Hajar Al-Haytami, 1983).

### **Penularan COVID-19 di Seluruh Dunia dan Malaysia**

Penularan yang pada mulanya berlaku hanya di China mula merebak ke negara lain apabila Thailand mencatatkan kes pertama COVID-19 di luar China secara rasmi pada 13 Januari 2020 (World Health Organization [WHO], 2020). Sehingga penghujung 2023, lebih 200 buah negara telah dijangkiti virus ini dengan kes yang dicatatkan mencapai lebih 700 juta orang dan hampir 7 juta kematian seluruh dunia (WHO, n.d.; Worldometers.info, 2023).

Menurut akhbar BERNAMA (2020), kes pertama jangkitan penyakit ini di Malaysia mula diisyiharkan secara rasmi pada 25 Januari 2020, apabila tiga orang warganegara China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020 telah disahkan dijangkiti wabak COVID-19. Berikutnya itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihat rakyat Malaysia supaya tidak melancong ke China tanpa keperluan. Selain daripada itu, kerajaan juga menambah alat pengimbas suhu di pintu masuk negara, mengenal pasti 26 hospital sebagai langkah persediaan untuk menguruskan kes jangkitan ini, dan menggantung sementara kemudahan imigresen kepada warga China dari Wuhan dan Hubei serta sekitarnya. Pada 4 Februari 2020, Menteri Kesihatan Malaysia pada ketika itu, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad telah mengumumkan kes pertama yang melibatkan warganegara Malaysia yang disahkan pada 3 Februari 2020 (Astro AWANI, 2020). Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan medianya menjelaskan, gelombang pertama COVID-19 di Malaysia tamat dengan jumlah 22 kes apabila negara ini mencatatkan 11 hari tanpa kes positif. Pada 27 Februari 2020, gelombang kedua wabak ini bermula apabila tujuh kes dikesan melibatkan kes-kes import atau yang berkait rapat dengan negara-negara seperti Jepun dan Itali (Abdullah, 2020). Kluster Seri Petaling, yang kemudiannya menjadi kluster terbesar COVID-19 di Malaysia dengan 3,375 kes positif, bermula pada 11 Mac 2020 apabila sebuah perhimpunan keagamaan telah berlangsung di Masjid Seri Petaling pada 27 Februari sehingga 3 Mac 2020.

### **Kajian-kajian Fatwa COVID-19**

Beberapa kajian berkaitan fatwa-fatwa COVID-19 telah dilaksanakan oleh sebahagian pengkaji. Antaranya kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Hapiz Mahaiyadin et al. (2021) yang memberi fokus kepada lapan keputusan fatwa yang diputuskan oleh jabatan mufti seluruh Malaysia yang berbeza dengan pandangan muktamad dalam mazhab Syaf'i. Dalam kajian ini, pengkaji membawakan aspek *tarakhkhush fi al-fatwa* iaitu keringanan dalam memilih sesuatu pandangan atau fatwa daripada fuqaha dan mazhab yang tertentu disebabkan adanya keperluan mendesak atau kesulitan yang timbul.

Kajian yang dibuat oleh Abdul Manan Ismail (2020) pula mengetengahkan peranan fatwa sebagai mekanisme untuk mencegah penularan COVID-19. Beliau menggunakan beberapa fatwa yang diputuskan oleh *Hai'at Kibar al-Ulama' bi al-Azhar al-Syarif*, *Hay'at Kibar al-Ulama' bi al-Sa'udiyah* dan Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang menyokong arahan-arahan daripada pakar kesihatan dan menunjukkan bahawa fatwa-fatwa ini selari dengan agenda pihak kesihatan untuk mengekang penularan wabak.

Dalam kajian Abdul Manan Ismail et al. (2021), para pengkaji menganalisis beberapa fatwa daripada Jawatankuasa Muzakarah MKI, Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan *Dar al-Ifta al-Misriyyah*. Kajian ini membawakan peranan Fiqh Awlawiyah dalam menentukan fatwa penangguhan solat Jumaat dan berjemaah, keharusan memakai pelitup muka ketika solat, dan keharusan menjarakkan saf solat berjemaah ketika COVID-19.

Kajian-kajian terhadap fatwa COVID-19 yang telah dijalankan ini memberikan manfaat besar dari sudut kelimuan dan penghujahan dalam fatwa. Manakala, artikel ini pula bertujuan untuk mengumpulkan sebanyak mungkin fatwa-fatwa berkaitan COVID-19 daripada pelbagai negara. Fatwa yang terkumpul ini kemudiannya dianalisis secara tematik bagi melihat isu dan masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat dunia apabila berhadapan dengan wabak atau pandemik.

## Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis diskriptif kandungan fatwa-fatwa COVID-19 yang diputuskan sepanjang tahun 2020 sehingga 2022. Sebanyak 324 buah fatwa dikumpulkan daripada 15 buah institusi fatwa seluruh dunia iaitu *Dar al-Ifta al-Misriyyah* (Mesir), *Dairah al-Ifta al-'Am* (Jordan), *Majlis al-Imarat li al-Ifta al-Syarie* (UAE), *European Council for Fatwa and Research* (Eropah), *Wifaqul Ulama* (Britain), Majlis 'Ulama Indonesia, Majlis Ugama Islam Singapura, Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, Jabatan Mufti Negeri Selangor, dan Jabatan Mufti Johor.


Pengkaji telah menyusun seluruh fatwa tersebut dalam perisian *Excel* dan dibahagikan berdasarkan tajuk, tema, bidang, subbidang, hukum, dalil, istidlal, institusi fatwa, negara dan tarikh. Fatwa-fatwa ini dipecahkan kepada enam tema iaitu akhlak, al-quran, aqidah, ibadah, jenayah dan mu'amalat yang kemudiannya dibahagikan lagi kepada bidang dan subbidang. Pembahagian ini dibuat berpandukan pengelasan kitab dan bab oleh al-Nawawi dalam *Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Seterusnya, data-data ini dianalisis menggunakan *pivot table* dalam perisian *Excel* berdasarkan pembahagian di atas.

## Analisis Tematik Fatwa Kontemporari semasa COVID-19

Sejak COVID-19 mula menular ke pelbagai negara, institusi fatwa dan sebahagian 'ulama telah memberikan beberapa pandangan dan fatwa mereka tentang fiqh COVID-19. Fatwa pertama yang diputuskan adalah pada Februari 2020 oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan *Dar al-Ifta al-Misriyyah* (DIM). Apabila COVID-19 diisyiharkan sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020 (WHO, 2020), sebanyak 102 buah fatwa diputuskan oleh institusi fatwa seluruh dunia bagi menjawab persoalan dan permasalahan yang timbul daripada wabak ini. 66.3% fatwa yang terhasil pada Mac 2020 adalah tentang permasalahan ibadah manakala 20.2% berkaitan mu'amalat.

Fatwa-fatwa yang diputuskan sejak Februari 2020 sehingga Ogos 2022 dikategorikan kepada beberapa tema iaitu al-Quran, akhlak, akidah, ibadah, mu'amalat dan jenayah. Majoriti besarnya adalah berkaitan isu-isu ibadah seperti hukum-hakam solat, isu solat berjemaah, puasa, pengurusan jenazah dan zakat.


Rajah 1: Jumlah Fatwa yang Diputuskan Mengikut Bulan



#### i. Analisis Fatwa COVID-19 Mengikut Institusi Fatwa


Sebanyak 173 buah fatwa dikumpulkan dari lapan institusi fatwa luar negara. 56 daripadanya adalah daripada *Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, 36 daripada *European Council for Fatwa and Research* dan 29 daripada *Dairah al-Ifta al-'Am* (DIA) Jordan. Selebihnya dikumpulkan daripada *Majlis al-Imarat li al-Ifta al-Syarie* (MIIS) dari Emiriah Arab Bersatu, Majelis Ulama Indonesia, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), *Wifaqul Ulama* dari Britain, dan Jabatan Mufti Kerajaan Negera Brunei.

Rajah 2: Fatwa COVID-19 oleh institusi fatwa luar negara



Di Malaysia, sebanyak 151 buah fatwa dikumpulkan melalui tujuh institusi fatwa. 38 daripadanya adalah daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP), 30 daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dan selebihnya adalah daripada Jabatan Mufti Johor, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama (MKI).

Rajah 3: Fatwa COVID-19 oleh institusi fatwa dalam negara



Akibat daripada masalah-masalah yang berlaku disebabkan COVID-19 dan kaedah mengawal penularannya yang memberi kesan langsung kepada amalan beragama masyarakat, lebih 70% fatwa yang diputuskan oleh institusi-institusi fatwa ini adalah berkaitan ibadah dan mu'amalat. Majoriti institusi fatwa juga hanya memfokuskan kepada dua tema ini berbanding tema-tema lain.

Jadual 1: Fatwa COVID-19 mengikut tema

Tema	DIA <sup>4</sup>	DIM <sup>5</sup>	ECFR <sup>6</sup>	JKFNPerak <sup>7</sup>	JKFNPerlis <sup>8</sup>	JKENPP <sup>9</sup>	JMJ <sup>10</sup>	JMNS <sup>11</sup>	MHS <sup>12</sup>	MUI <sup>13</sup>	MUI <sup>14</sup>	MUIS <sup>15</sup>	PMWP <sup>16</sup>	WU <sup>17</sup>	JMKNB <sup>18</sup>	Jumlah
Akhlik	2	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
Al-Quran	1	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Aqidah	1	-	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	2	4
Ibadah	19	52	24	18	8	19	20	15	11	8	12	8	25	1	8	240
Jenayah	2	2	2	-	1	-	-	-	1	-	1	-	2	-	-	11

<sup>4</sup> Dairah Al-Ifta Al-'Am, Jordan

<sup>5</sup> Dar Al-Ifta Al-Misriyyah, Mesir

<sup>6</sup> European Council for Fatwa and Research

<sup>7</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

<sup>8</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis

<sup>9</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

<sup>10</sup> Jabatan Mufti Johor

<sup>11</sup> Jabatan Mufti Negeri Selangor

<sup>12</sup> Majlis Al-Imarat li Al-Ifta Al-Syarie, Emiriah Arab Bersatu

<sup>13</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama (MKI)

<sup>14</sup> Majelis Ulama Indonesia

<sup>15</sup> Majlis Ugama Islam Singapura

<sup>16</sup> Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Malaysia

<sup>17</sup> Wifaqul Ulama, Britain

<sup>18</sup> Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei

Mu'amalat	4	2	7	11	3	2	4	2	3	1	1	1	10	2	1	53
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>56</b>	<b>36</b>	<b>30</b>	<b>12</b>	<b>21</b>	<b>24</b>	<b>17</b>	<b>15</b>	<b>9</b>	<b>14</b>	<b>9</b>	<b>38</b>	<b>3</b>	<b>11</b>	<b>324</b>

Hanya ECFR dan DIA Jordan yang membahaskan tema akhlak. Al-Quran pula dibahaskan oleh DIA Jordan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak. Tema aqidah dibincangkan oleh DIA Jordan, ECFR, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei.

## ii. Analisis Fatwa COVID-19 Bidang Fiqh Ibadah

Seawal bulan Februari 2020, MUIS telah mengeluarkan fatwa tentang hukum penutupan masjid dan penangguhan solat Jumaat dan berjemaah, berikutan arahan pihak berkuasa kesihatan Singapura yang melarang acara berskala besar bagi mengekang penularan COVID-19 (Ministry of Health Singapore, 2020). MUIS mengharuskan penutupan masjid dan penggantungan solat Jumaat dan berjemaah atas alasan darurat. Pihak masjid juga dibenarkan untuk menghalang seseorang memasuki masjid jika terdapat tanda-tanda penyakit (Mohamed Fatris Bakaram, 2020). Dar al-Ifta al-Misriyyah (DIM) juga memberi fatwa awal berkaitan COVID-19 iaitu pahala syahid ke atas jenazah COVID-19 dan keharusan membaca doa qunut pada setiap solat fardu untuk menolak wabak ('Allam, 2020a, 2020b).

Selari dengan pengumuman COVID-19 sebagai pandemik pada Mac 2020, jumlah fatwa fiqh ibadah yang diputuskan meningkat menjadi 69 buah fatwa. Ini selari dengan peningkatan jangkitan di seluruh dunia sehingga angka satu juta dan melibatkan 144 buah negara. Peningkatan ini semestinya menimbulkan masalah baru dalam beribadah yang memerlukan penjelasan mufti (WHO, 2020a). Fatwa-fatwa tentang persoalan jenazah juga meningkat pada bulan Mac sehingga Mei 2020, berikutan kes kematian COVID-19 yang melebihi 400,000 orang pada Mei 2020. Pada bulan April 2020, kedatangan Ramadan membawa kepada keluarnya fatwa-fatwa tentang puasa.

Jadual 2: Pecahan Fatwa dalam Bidang Fiqh Ibadah

Bidang	Feb 20	Mac 20	Apr 20	Mei 20	Jun 20	Jul 20	Okt 20	Nov 20	Feb 21	Mac 21	Mei 21	Jun 21	Jul 21	Sep 21	Okt 21	Mei 22	Ogo 22	Jumlah			
Doa	1	2	-	3	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	7			
Haji	-	1	2	4	1	1	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	10			
I'tikaf	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1			
Jenazah	1	1 2	9	1 1	2	-	-	-	-	-	-	-	2	3	1	1	-	42			
Lain-lain	-	2	-	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4			
Puasa	-	-	2 5	5	2	-	-	-	-	1	2	1	1	-	-	-	-	1 38			
Qurban	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	2			
Solat	-	1 5	1 0	4	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	31			
Solat Berjemaah	1	3 2	1 5	8	1 6	2	1	1	3	-	2	-	4	3	1	-	1	-	91		
Taharah	-	1	3	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6			
Zakat	-	4	8	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	16			
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>6 9</b>	<b>7 2</b>	<b>4 2</b>	<b>2 3</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>24 8</b>

Jadual di atas menunjukkan bahawa persoalan tentang solat berjemaah merupakan isu paling utama masyarakat dalam soal fiqh ibadah. Kebanyakan fatwa yang diputuskan berkaitan solat berjemaah adalah pada beberapa bulan pertama iaitu antara Mac hingga Jun 2020. Persoalan utama masyarakat adalah tentang hukum-hakam solat Jumaat dan lain-lain amalan berjemaah seperti penutupan masjid dan penjarakan saf solat.

Persoalan dan keprihatinan masyarakat dalam isu ini selari dengan aspek keagamaan dan sosiobudaya. Pelbagai

hadis dan penekanan ulama yang menyebutkan tentang kepentingan dan kelebihan solat berjemaah telah menjadikannya sebagai amalan penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakat muslim (Ahmad Murshidi Mustapha & Mahyudin Daud, 2018). Bukan sahaja masjid menjadi pusat keagamaan, tetapi juga merupakan pusat sosial masyarakat muslim di seluruh dunia. Masjid berperanan sebagai ruang aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti kejiranian, gotong-royong, jamuan, kenduri dan pelbagai urusan sosial, pendidikan dan ekonomi (Ab. Halim Tamuri, 2021). Atas faktor-faktor ini, penutupan masjid di awal pandemik dan penjarakan solat berjemaah kemudiannya telah menimbulkan keimbangan dan persoalan dalam kalangan masyarakat serta menuntut kepada institusi agama mengeluarkan fatwa-fatwa yang berkaitan.

Jadual 3: Pecahan Fatwa bagi Subbidang Solat Berjemaah

<b>Subbidang</b>	<b>DIA</b>	<b>DIM</b>	<b>ECFR</b>	<b>JKFNPerlis</b>	<b>JKFNPP</b>	<b>JMI</b>	<b>JMNS</b>	<b>MIS</b>	<b>MKI</b>	<b>MUI</b>	<b>MUIS</b>	<b>PMWP</b>	<b>WU</b>	<b>JMKNB</b>	<b>Jumlah</b>	
Saf Solat	1	1	1	-	-	1	-	1	-	1	-	-	-	-	6	
Solat Hari Raya	1	1	1	1	1	2	2	2	1	2	-	1	1	-	18	
Solat Jumaat	5	4	2	3	1	3	6	1	2	1	4	6	8	-	2	
Solat Musafir	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	
Lain-lain	2	2	2	1	-	1	3	1	1	-	3	-	1	-	1	
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>9</b>	<b>6</b>	<b>11</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>91</b>

### iii. Analisis Fatwa COVID-19 Bidang Fiqh Mu'amalat

Fatwa dalam bidang Fiqh Mu'amalat banyak dikeluarkan pada bulan Mac 2020. Ketika itu, kebanyakan negara mula melaksanakan SOP bagi mengawal penularan COVID-19. Pelaksanaan SOP ini membawa kepada beberapa isu yang memerlukan fatwa daripada para 'ulama. Antaranya adalah hukum-hakam berkaitan arahan pemerintah seperti hukum mematuhi SOP yang telah diputuskan oleh pihak kerajaan. Sebahagian SOP yang menjadi perbincangan adalah seperti larangan ke masjid dan kawalan pergerakan masyarakat.

Di peringkat awal pandemik, persoalan masyarakat banyak berkisar tentang hukum-hakam jual beli yang melibatkan isu-isu seperti menyembunyikan barang untuk menaikkan harganya dan monopoli alatan pembersihan dan sanitasi. Begitu juga isu bayaran sewa, upah dan gaji yang telah dikeluarkan tetapi kontrak tidak dapat disempurnakan akibat pandemik.

Fatwa-fatwa berkaitan vaksin pula kebanyakannya mula diputuskan selepas bulan Disember 2020, selaras dengan kelulusan Pertubuhan Kesihatan Sedunia terhadap vaksin COVID-19 yang pertama iaitu Comirnaty COVID-19 mRNA oleh Pfizer/BioNTech bagi penggunaan kecemasan (emergency use validation) (WHO, 2020b). Keharusan vaksin, bahkan kewajipannya menurut sebahagian fatwa diputuskan bagi memelihara nyawa masyarakat. Para 'ulama menggunakan kaedah fiqh yang menyebutkan:

*إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوعِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِإِنْكَابِ أَحَقِّهِمَا*

Maksudnya: "Apabila bertembung antara dua mafsadah, maka dielakkan mafsadah yang paling besar dengan mengambil mafsadah yang lebih kecil"

Kaedah ini digunakan untuk menjelaskan bahawa kebaikan vaksin untuk memelihara nyawa dan mudarat yang pasti akibat penularan COVID-19 mengatasi mudarat atau risiko mengambil vaksin yang mungkin berlaku dan lebih

kecil kesannya (Khairul Anuar Abdul Khalid, 2021).

Jadual 4: Pecahan Fatwa bagi Bidang Fiqh Mu'amalat

Bidang	Feb 20	Mac 20	Apr 20	May 20	Jun 20	Okt 20	Nov 20	Dis 20	Feb 21	Jan 21	Sep 21	Ogo 21	Mac 22	Dis 21	Okt 21	Jumlah
Ijarah	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Ju'alah	-	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Jual beli	-	3	4	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	9
Lain-lain	-	4	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6
Nikah	-	2	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
Nusyuz	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
Perubatan	-	1	-	-	-	-	1	3	1	3	1	1	2	1	-	14
Qadha	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
Sedekah	-	2	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
Siasah Syar'iyyah	1	5	1	-	-	1	1	-	1	-	-	-	-	-	-	10
Hubungan dengan bukan Islam	-	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>21</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>54</b>

#### iv. Analisis Fatwa COVID-19 Bidang Fiqh Jenayah

Perbincangan tentang Fiqh Jenayah dalam isu COVID-19 adalah berkaitan perkara-perkara yang menyebabkan jangkitan kepada orang lain. Seseorang yang menjadi punca jangkitan akibat daripada pelanggaran SOP lalu menyebabkan kematian termasuk dalam kategori pembunuhan seperti sengaja atau *al-qatl syibh al-'Amd* dan diwajibkan ke atasnya diat (wang darah), sebaliknya yang difatwakan oleh ECFR yang mengambil pandangan 'ulama mazhab Hanafi (ECFR, 2020).

Terdapat juga fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (Mohd Asri Zainul Abidin, 2020) berkaitan seseorang yang menyebarkan pandangan berkaitan COVID-19 atas nama agama dan mempengaruhi orang lain, seterusnya menjadi punca kematianya, dia mendapat dosa seperti dosa membunuh berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Jabir:

حَرَجْنَا فِي سَفَرٍ فَأَصَابَ رَجُلًا مِنَ الْمُهَاجِرِ فَسَأَلَ أَصْحَابَهُ فَقَالُوا: هَلْ بَحْدُونَ لِي رُحْصَةً فِي  
 التَّيْمُومِ؟ فَقَالُوا: مَا بَحْدُ لَكَ رُحْصَةً وَإِنْتَ تَفْدِرُ عَلَى الْمَاءِ فَاعْتَسَلَ فَمَاتَ، فَلَمَّا قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
 وَسَلَّمَ أُخْبَرَ بِذَلِكَ فَقَالَ: «قَتَلُوهُ قَتَلُوكُمُ اللَّهُ أَلَا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا فَإِنَّمَا شَيْءَ الْعَيْنِ السُّؤَالُ»

Maksudnya: "Kami keluar dalam satu perjalanan. Seorang lelaki dalam kalangan kami telah ditimpak batu lalu cedera di kepalanya. Dia kemudiannya bermimpi (keluar mani). Lalu dia bertanya sahabat-sahabatnya: "Adakah bagiku rukhsah (kelonggaran) untuk bertayammum?". Mereka menjawab: "Kami tiada dapat untuk engku kelonggaran sedangkan engku mampu menggunakan air". Maka dia pun mandi dan (akibatnya) dia mati. Apabila kami datang kepada Nabi s.a.w, baginda diberitahu hal tersebut. Baginda bersabda: "Mereka telah membunuhnya, Allah membunuh mereka. Mengapa tidak mereka bertanya jika mereka tidak tahu?! Ubat bagi kejahilan itu hanyalah bertanya." (HR Abu Daud: 336)

Jadual 5: Pecahan Fatwa bagi Bidang Fiqh Jenayah

<b>Bidang</b>	<b>DIA</b>	<b>DIM</b>	<b>ECFR</b>	<b>JKFNPerlis</b>	<b>MIIS</b>	<b>MUI</b>	<b>PMWP</b>	<b>Jumlah</b>
Diyat	-	-	1	1	-	-	-	2
Jirah	2	2	1	-	1	1	1	8
Mencuri	-	-	-	-	-	-	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>11</b>

#### v. Analisis Fatwa COVID-19 Bidang Akhlak, Aqidah dan Al-Quran

Persoalan berkaitan bidang-bidang ini tidak menjadi perbincangan utama dalam kalangan masyarakat dan mufti ketika COVID-19 berlaku. Antara fatwa yang diputuskan berkaitan akhlak adalah tentang seruan bersabar menghadapi ujian dan larangan mencela orang lain. Bagi perbincangan tentang aqidah, para mufti menjelaskan tentang peranan aqidah dalam mendepani wabak dan persoalan tentang COVID-19 sebagai ujian atau azab Allah.

Fatwa tentang al-Quran pula melibatkan hukum mentafsirkan ayat-ayat tertentu dalam al-Quran dengan COVID-19. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak ditanya tentang tafsir ayat ke-33 surah al-Ahzab yang merupakan surah ke-33. Soalan ini ditanya apabila kes jangkitan COVID-19 di Malaysia mencapai jumlah 3,333 kes pada 3 April 2020.

Jadual 6: Pecahan Fatwa bagi Bidang Akhlak, Al-Quran, dan Aqidah

<b>Bidang</b>	<b>DIA</b>	<b>ECFR</b>	<b>JKFNPerak</b>	<b>PMWP</b>	<b>JMKNB</b>	<b>Jumlah</b>
Akhlak	2	1	-	-	-	3
Aqidah	1	2	-	1	2	6
Tafsir	1	-	1	-	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>11</b>

### Kesimpulan

Bencana wabak merupakan sesuatu yang telah berlaku dan mungkin akan berlaku lagi pada masa akan datang (WHO, 2023). Masalah dan kesulitan yang timbul daripada penularan wabak ini memberi kesan kepada amalan beragama masyarakat, seterusnya membawa kepada fatwa-fatwa baru untuk mencegah penularannya. Hasil kajian ini menunjukkan kebanyakan permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat ketika COVID-19 menular adalah berkaitan isu-isu ibadah.

Dapatkan kajian ini membuka ruang-ruang penyelidikan baru pada masa akan datang. Antaranya termasuklah kajian komperatif fatwa-fatwa COVID-19 antara negara, kajian komperatif fatwa antara fasa pandemik di peringkat awal, pertengahan, dan akhir, kajian impak fatwa ketika COVID-19, dan pembangunan model fatwa fiqh wabak yang boleh menjadi rujukan apabila berlakunya wabak pada masa hadapan.

### Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas penganugerahan geran UTM Fundamental Research (Q.J130000.3853.22H11) bertajuk: "Peranan Institusi Fatwa dalam Menangani Isu Ibadah Semasa Pandemik Covid-19".

### Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2021). Konsep dan Pelaksanaan Fungsi Masjid dalam Memartabatkan Masyarakat. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 1(1).  
<https://almimbar.uis.edu.my/index.php/almimbar/article/view/11/3>

- Abdul Manan Ismail. (2020). Fatwa Sebagai Mekanisme Pencegahan Penularan Pandemik Covid-19: Fatwa as Preventive Mechanism of Containing the Spread of Covid-19 Pandemic. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), 14–25. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.321>
- Abdul Manan Ismail, Mushaddad Hasbullah, Irwan Mohd Subri, Lukman Abdul Mutalib, Mohd Soberi Awang, & Shahirah Hafiz Mohd Tahir Naeem. (2021). Fiqh Awlawiyyat Dalam Fatwa Berkaitan Covid-19: Analisis Fatwa Terpilih. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 23(1). <http://al-qanatir.com>
- Abdullah, N. H. (2020). *Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*.
- Ahmad, I. H. (2001). *Musnad Ahmad* (S. Al-Arnaout, Ed.; 1st ed., Vol. 38). Muassasah Al-Risalah.
- Ahmad Murshidi Mustapha, & Mahyudin Daud. (2018). Manhaj Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah Dalam Penulisan Ilmu Fiqh: Tumpuan Terhadap Karya Pedoman Solat Berjemaah. *Jurnal Syariah*, 26(3), 323–354. [https://doi.org/https://doi.org/10.22452/js.vol26no3.2](https://doi.org/10.22452/js.vol26no3.2)
- Al-'Aini, B. A.-D. (1990). *Al-Binayah Syarh Al-Hidayah* (2nd ed.). Dar Al-Fikr.
- Al-Bukhari, M. bin I. (2002). *Sahih Al-Bukhari* (1st ed.). Dar Ibn Kathir.
- Al-Burhanburi, N. A.-D. (2000). *Al-Fatawa Al-Hindiyyah* ('Abd Al-Latif Hasan 'Abd Al-Rahman, Ed.; 1st ed.). Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Haskafi, M. 'Ali. (2002). *Al-Durr Al-Mukhtar* ('Abd Al-Mun'im Khalil Ibrahim, Ed.; 1st ed.). Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Husaini, M. bin R. A.-B. (2005). *Al-Isya'ah li Asyrat Al-Sa'ah* (3rd ed.). Dar Al-Minhaj.
- Al-Kharashi, M. 'Abd A. (1899). *Syarh Mukhtasar Khalil* (2nd ed., Vol. 4). Matbaah Al-Kubra Al-Amiriah.
- 'Allam, S. I. (2020a, February 23). *Al-Mutawaffa bi Sabab Fairus Korono Ya'udd Syahidan*. Dar Al-Ifta Al-Misriyyah. <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/15313> المتفى-بسبب-فيروس-كورونا-بعد-شهيدا/
- 'Allam, S. I. (2020b, February 26). *Al-Qunut fi Al-Salah li Sarf Fairus Korona*. Dar Al-Ifta Al-Misriyyah. <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/15287> القوت-في-الصلوة-لصرف-فيروس-كورونا/
- Al-Madaini, A. A.-H. 'Ali. (2003). *Al-Ta'azi* (I. Salih, Ed.; 1st ed.). Dar Al-Basyair.
- Al-Majlis Al-Urubi li Al-Ifta wa Al-Buhuth (ECFR). (2020, March). *Al-Bayan Al-Khitami li Al-Daurah Al-Tariah Al-Thalathin*. Al-Majlis Al-Urubi Li Al-Ifta Wa Al-Buhuth (ECFR). <https://www.e-cfr.org/blog/2020/04/01/> /البيان-الختامي-للدوره-الثالثة-الثلاث
- Al-Maqrizi, T. A.-D. A. (1997). *Al-Suluk fi Ma'rifat Dual Al-Muluk* (A. 'Abd A.-Q. 'Ataa, Ed.; 1st ed., Vol. 4). Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Samarqandi, 'Alaa Al-Din. (1984). *Tuhfat Al-Fuqaha* (1st ed.). Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsyi, S. A.-D. (1989). *Al-Mabsut* (1st ed.). Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Tabari, M. J. (1967). *Tarikh Al-Tabari* (M. A. A.-F. Ibrahim, Ed.; 2nd ed.). Dar Al-Ma'arif.
- Al-Tahawi, A. M. (1994). *Syarh Al-Ma'ani Al-Athar* (M. Z. Al-Najjar & M. S. Al-Haq, Eds.; 1st ed.). 'Alam Al-Kutub.
- Al-Yafi'i, 'Abd Allah As'ad. (1997). *Mir'at Al-Jinan wa 'Ibrat Al-Yaqazan fi Ma'rifat ma Yu'tabaru min Hawadith Al-Zaman* (K. Al-Mansur, Ed.; 1st ed., Vol. 1). Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Zahabi, M. A. (1985). *Al-'Ibar fi Khabar man Ghabar* (M. al-S. Z. Abu Hajir, Ed.; 1st ed., Vol. 4). Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Astro AWANI. (2020, February 4). *Koronavirus: KKM sahkan kes pertama warganegara Malaysia [Video]*. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=DOaAR17sFpw>
- Aydin, R. (2022). *Water and Wellness: Cholera in the Nineteenth-Century Ottoman Empire* [Columbia University]. <https://istanbultarihi.ist/658-medical-education-and-related-institutions-in-istanbul>
- BERNAMA. (2020, March 17). *BERNAMA - Kronologi COVID-19 di Malaysia sehingga 16 Mac 2020*. [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1821899](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1821899)
- Claeson, M., & Waldman, R. (2023). Cholera. In *Encyclopedi Britannica*. <https://www.britannica.com/science/cholera>
- Fadhil, N. B. (2011). Al-Tawa'in fi Sadr Al-Islam wa Al-Khilafah Al-Umawiyyah: Dirasah fi Al-Masadir Al-'Arabiah wa Al-Islamiah. *Majallah Jami'ah Kirkuk Li Al-Dirasat Al-Islamiah*, 6(2). <https://doi.org/10.32894/1911-006-002-006>
- Glatter, K. A., & Finkelman, P. (2021). History of the Plague: An Ancient Pandemic for the Age of COVID-19. *The American Journal of Medicine*, 134, 176–181.

- <https://doi.org/10.1016/j.amjmed.2020.08.019>
- Ibn Abi Al-Dunya, A. B. 'Abd A. (1993). *Al-I'tibar wa A'qab Al-Surur wa Al-Ahzan* (N. 'Abd A.-R. Khalaf, Ed.; 1st ed.). Muassasah Al-Risalah.
- Ibn 'Abidin, M. A. U. (2003). *Radd Al-Muhtar 'ala Al-Dur Al-Mukhtar*. Dar 'Alam Al-Kutub.
- Ibn Al-Athir, 'Ali bin Muhammad. (1997). *Al-Kamil fi Al-Tarikh* (O. 'Abd A.-S. Tadmori, Ed.; 1st ed.). Dar Al-Kitab Al-'Arabi.
- Ibn Al-'Imad Al-Hanbali, 'Abd Al-Hayy Ahmad. (1986). *Syazarat Al-Zahab fi Akhbar man Zahab* (M. Al-Arnaout & 'Abd Al-Qadir Al-Arnaout, Eds.; 1st ed., Vol. 1). Dar Ibn Kathir.
- Ibn Al-Jawzi, 'Abd Al-Rahman 'Ali. (1995). *Al-Muntazam fi Tarikh Al-Muluk wa Al-Umam* (M. 'Abd A.-Q. 'Ataa & M. 'Abd A.-Q. 'Ataa, Eds.; 2nd ed., Vol. 6). Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibn Duraid, A. B. M. A.-H. (1991). *Al-Isytiqaq* (1st ed.). Dar Al-Jil.
- Ibn Hajar, A. 'Ali. (1990). *Bazl Al-Ma'un fi Fadhl Al-Ta'un* (A. 'Isam 'Abd A.-Q. Al-Katib, Ed.). Dar Al-'Asimah.
- Ibn Hajar, A. 'Ali. (1994). *Inba Al-Ghumar bi Anba Al-'Umar* (H. Habsyi, Ed.; 1st ed., Vol. 3). Wizarah Al-Awqaf.
- Ibn Hajar Al-Haytami, A. M. 'Ali. (1983). *Al-Fatawa Al-Kubra Al-Fiqhiyyah* (Issue 1). Dar Al-Fikr.
- Ibn Kathir, I. bin U. (1992). *Al-Bidayah wa Al-Nihayah*. Maktabah Al-Ma'arif.
- Ibn Qutaibah, 'Abd Allah Muslim. (n.d.). *Al-Ma'arif* (T. 'Ukasyah, Ed.; 4th ed.). Dar Al-Ma'arif.
- Kalyanaraman, N., & Fraser, M. R. (2021). Containing COVID-19 through contact tracing : A local health agency approach. *Public Health Rep.*, 136(1), 32–38. <https://doi.org/10.1177/0033354920967910>
- Khairul Anuar Abdul Khalid. (2021, August 28). *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-606: Hukum Isteri Mengambil Vaksin Tetapi Dilarang Suami*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.  
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4955-irsyad-al-fatwa-siri-ke-606-hukum-isteri-mengambil-vaksin-tetapi-dilarang-suami>
- Khayyat, K. (1985). *Tarikh Khalifah bin Khayyat* (A. D. Al-'Umari, Ed.; 2nd ed.). Dar Taibah.
- Ministry of Health Singapore. (2020). Advisory For Large-Scale Events Amidst The Novel Coronavirus Situation. In *Ministry of Health Singapore*. [www.moh.gov.sg](http://www.moh.gov.sg).
- Moghadas, S. M., Vilches, T. N., Zhang, K., Wells, C. R., Shoukat, A., Singer, B. H., Meyers, L. A., Neuzil, K. M., Langley, J. M., Fitzpatrick, M. C., & Galvani, A. P. (2021). The impact of vaccination on COVID-19 outbreaks in the United States. *MedRxiv*.  
<https://doi.org/https://doi.org/10.1093/cid/ciab079>
- Mohamed Farris Bakaram. (2020, February 18). *Fatwa Berkaitan Pencegahan COVID-19*. Majlis Ugama Islam Singapura. <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Fatwa-Covid-19-Malay>
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2020, March 20). *Fatwa Penyebab Kematian Sama Seperti Membunuh*. Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/275-fatwa-penyebab-kematian-sama-seperti-membunuh>
- Mohd Hapiz Mahaiyadin, Azri Bhari, & Mohd Dasuqki Mohd Sirajuddin. (2021). Analisis Keputusan Fatwa Tempatan Sewaktu Pandemik Covid-19 Menurut Kerangka Al-Tarakhus Fi Al-Fatwa: An Analysis Of Local Fatwa Results During Covid-19 Pandemic According To Al-Tarakhus Fi Al-Fatwa Framework. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 111–130.  
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2.391>
- Oeltmann, J. E., Vohra, D., Matulewicz, H. H., DeLuca, N., Smith, J. P., Couzens, C., Lash, R. R., Harvey, B., Boyette, M., Edwards, A., Talboy, P. M., Dubose, O., Regan, P., Loosier, P., Caruso, E., Katz, D. J., Taylor, M. M., & Moonan, P. K. (2023). Isolation and Quarantine for Coronavirus Disease 2019 in the United States, 2020–2022. *Clinical Infectious Diseases*, 77(2), 212–219.  
<https://doi.org/10.1093/cid/ciad163>
- Riley, L. W. (2019). Differentiating Epidemic from Endemic or Sporadic Infectious Disease Occurrence. *Microbiology Spectrum*, 7(4), 7.4.15. <https://doi.org/10.1128/microbiolspec.AME-0007-2019>
- Sampath, S., Khedr, A., Qamar, S., Tekin, A., Singh, R., Green, R., & Kashyap, R. (2021). Pandemics Throughout the History. *Cureus*, 13(9). <https://doi.org/10.7759/cureus.18136>
- Sibt Ibn Al-Jauzi, Y. K. (2013). *Mirat Al-Zaman fi Tawarikh Al-A'yan* (M. Barakat, K. M. Al-Kharat, & U.

- Raihawi, Eds.; 1st ed.). Dar Al-Risalah Al-'Alamiah.
- Tabari, P., Amini, M., Moghadami, M., & Moosavi, M. (2020). International Public Health Responses to COVID-19 Outbreak: A Rapid Review. *Iran. J. Med. Sci.*, 45(3), 157–169.  
<https://doi.org/10.30476/ijms.2020.85810.1537>
- Tognotti, E. (2013). Lessons from the History of Quarantine, from Plague to Influenza A. *Emerging Infectious Diseases*, 19(2), 254–259. <https://doi.org/10.3201/eid1902.120312>
- World Health Organization. (n.d.). *WHO Coronavirus (COVID-19) Dashboard*. World Health Organization. Retrieved December 5, 2023, from <https://covid19.who.int/?mapFilter=cases>
- World Health Organization. (2020a, March 11). *WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 - 11 March 2020*. <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- World Health Organization. (2020b, March 11). *WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 - 11 March 2020*. World Health Organization. <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- World Health Organization. (2020c, December 31). *WHO issues its first emergency use validation for a COVID-19 vaccine and emphasizes need for equitable global access*. World Health Organization. <https://www.who.int/news/item/31-12-2020-who-issues-its-first-emergency-use-validation-for-a-covid-19-vaccine-and-emphasizes-need-for-equitable-global-access>
- World Health Organization [WHO]. (2020, January 13). *WHO statement on novel coronavirus in Thailand*. World Health Organization. <https://www.who.int/news/item/13-01-2020-who-statement-on-novel-coronavirus-in-thailand>
- World Health Organization [WHO]. (2023, May 22). *World must be ready to respond to next pandemic: WHO chief*. UN News. <https://news.un.org/en/story/2023/05/1136912>
- Worldometers.info. (2023, December 14). *Countries where Coronavirus has spread*.  
<https://www.worldometers.info/coronavirus/countries-where-coronavirus-has-spread/>